



**PERBADANAN LABUAN  
PETI SURAT 81245  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

---

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

<b>JAWATAN</b>	:	<b>PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) / PENOLONG JURUTERA</b>		
GRED	:	JA29		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
TARAF JAWATAN	:	<b>TETAP</b>		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	2 KEKOSONGAN		
JADUAL GAJI	:			
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
		RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Memiliki :
    - (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Bidang Senibina atau Lukisan Kejuruteraan atau Kejuruteraan Awam) daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02); dan
- (iii) Mahir dalam melukis pelan secara manual atau perisian.

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT-SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

- 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB27, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - a) (i) Mempunyai kelayakan diperenggan 1(c); atau  
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
  - b) Had umur perlantikan:
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja, pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas berkaitan.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)
- b) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir pemohon, ibu dan bapa pemohon, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal;**
- c) Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja.
- d) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (b) dan (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- e) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

#### PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN LABUAN  
MENARA PERBADANAN LABUAN  
TINGKAT 11, JLN OKK AWANG BESAR  
PETI SURAT 81245  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3  
No. Talian Perhubungan : 087 – 581817, 581815, 581816  
Sebelum atau pada : **11 Mac 2021**

#### CATITAN

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan dan melepasi saringan kesihatan akan dipanggil temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.